

11/03/10-44MST

U GB 11-03 00219 BA810

aab

Mahathir - Britain

MALAYSIA SIMPATI NASIB PEKERJA BRITAIN TETAPI.....

KUALA LUMPUR, 11 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan bersimpati dengan nasib para pekerja Britain yang mungkin kehilangan pekerjaan berikutan tindakan Malaysia tidak lagi akan memberi kontrak kerajaan kepada syarikat-syarikat negara itu.

Bagaimanapun, katanya, kerajaan tidak dapat berbuat apa-apa untuk menarik balik keputusan itu kerana apabila kontrak diberikan kepada syarikat-syarikat Britain, kerajaan menerima pelbagai tuduhan tidak berasas daripada media negara berkenaan dan sesetengah pemimpin politik Britain sendiri.

"Dengan itu, kalau kita tidak memberi kontrak kepada syarikat-syarikat Britain maka tidak akan ada tuduhan. Apakah kita harus memberi keuntungan kepada syarikat-syarikat Britain supaya mereka (media dan sesetengah pemimpin politik Britain) boleh buat tuduhan terhadap kita?" katanya kepada pemberita di Angkasapuri, di sini hari ini, selepas merakamkan perutusan Hari Raya Aidilfitri kepada rakyat Malaysia.

Setiausaha Agung Kongres Kesatuan Sekerja Britain, John Monks, dilaporkan telah menulis surat kepada Richard Needham, Menteri Perdagangan Britain, untuk menyatakan kebimbangan kesatuan terhadap nasib para pekerja negara itu sekiranya tiada langkah diambil kerajaan Britain untuk menyelesaikan masalah berkenaan.

Mengikut laporan akhbar hari ini, BTUC juga telah menulis surat kepada Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) untuk meminta kerjasama mereka merayu kerajaan negara ini supaya menarik balik keputusannya itu. -- Lagi.

11/03/12-04MST

R GB 11-03 00179 BA816

aab

Mahathir - Britain 2 Kuala Lumpur

Kira-kira tiga minggu lepas, kabinet mengambil tindakan tegas tidak lagi melayani sebarang tawaran syarikat-syarikat Britain untuk mendapatkan kontrak kerajaan kerana akhbar-akhbar negara itu (terutamanya Sunday Times dan Times) mendakwa kononnya para pemimpin negara ini, termasuk Dr Mahathir, menerima rasuah daripada syarikat-syarikat Britain.

Akhbar Sunday Times, misalnya, mendakwa Dr Mahathir telah menerima rasuah sebanyak AS\$50,000 daripada syarikat Wimpey kononnya bagi mendapatkan kontrak projek kilang melebur aluminium di negara ini.

Malaysia telah menafikan kesemua dakwaan itu dan Perdana Menteri sendiri menegaskan bahawa tidak minasabah bagi para pemimpin kerajaan dan belian menerima rasuah untuk satu projek yang tidak pernah wujud itu.

Ketika diminta mengulas kebimbangan TUC itu, Dr Mahathir berkata, kesatuan berkenaan sepatutnya mendesak akhbar-akhbar Britain, yang menjadi punca kepada tindakan Malaysia itu, supaya berhenti membuat pembbohongan terhadap kerajaan negara ini dan bukannya meminta kerajaan Britain dan MTUC membantu memperbaiki keadaan.

"Sepatutnya mereka mendesak akhbar mereka (supaya memenuhi permintaan Malaysia). Yang kita minta cuma sedikit sahaja iaitu jangan cakap bohong," katanya. -- Lagi.

11/03/12-51MST

CNS6146

R GB 11-03 00145 BA818

aab

Mahathir - Britain 3 Kuala Lumpur

Perdana Menteri berkata, permintaan Malaysia itu bukannya susah untuk dilaksanakan kerana mereka hanya perlu berani bercakap benar.

"Cakap benda yang benar. Kalau orang tidak terlibat dengan rasuah, jangan kata ada rasuah. Kalau bagi pinjaman dan bukan bantuan, kata pinjaman dan bukan bantuan," katanya.

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata, media Britain nampaknya menganggap bahawa membohong itu sebahagian daripada kebebasan akhbar.

Katanya, Malaysia tidak bersetuju dengan pendapat itu kerana kebebasan akhbar sebenarnya terhad kepada melaporkan perkara yang benar sahaja dan bukannya membuat tuduhan palsu atau menghina orang.

"Kalau mereka (akhbar-akhbar Britain) terus berbuat demikian, sukarlah bagi kita untuk mengambil kira kepentingan pekerja di Britain. Kita harusutamakan negara kita," katanya ketika ditanya sama ada kerajaan akan menarik balik keputusan kabinet sekiranya NTUC mengemukakan rayuan bagi pihak TUC.

-- Lagi.

11/03/12-56MST

R GB 11-03 00155 BA823

aab

Mahathir - Britain 4 Kuala Lumpur

Dr Mahathir juga ditanya sama ada beliau akan mengutus surat kepada akhbar Sunday Times (London) untuk meminta akhbar itu memperbetulkan laporan mereka berhubung dakwaan rasuah terhadap para pemimpin kerajaan dan beliau sendiri dengan menulis perkara yang benar.

"Tidak ada gunanya saya tulis kepada Sunday Times yang tidak sedikitpun merasa bersalah kerana merekalah yang memulakan perkara ini," katanya.

Bagaimanapun, kata beliau, akhbar Financial Times (London) ada meminta beliau menjelaskan tindakan kabinet tidak lagi melayani tawaran syarikat-syarikat Britain untuk mendapatkan kontrak-kontrak kerajaan itu.

"Saya ada terima surat daripada Financial Times, bukan Sunday Times, meminta saya beri pandangan. Mungkin saya akan memberi sedikit penjelasan," katanya.

Katanya, tindakan Malaysia itu tidak ada kena mengena dengan dakwaan akhbar-akhbar Britain kononnya ada hubungan antara pembelian senjata oleh Malaysia daripada negara itu dengan bantuan Britain untuk pembinaan Empangan Pergau di Kelantan. -- Lagi.

11/03/13-16MST

CNS6222

R GB 11-03 00167 BA827

aab

Mahathir - Britain 5 Kuala Lumpur

Dr Mahathir juga diminta mengulas keputusan Jawatankuasa Terpilih mengenai Hubungan Luar Dewan Perwakilan Britain, yang menyiasat dakwaan kaitan antara penglibatan Britain dalam pembinaan Empangan Pergau dan penjualan senjata kepada Malaysia, untuk meminta Pejabat Perdana Menteri Britain mendedahkan dokumen-dokumen berhubung perkara itu.

"Itu masalah mereka. Kita tidak ada dasar ataupun undang-undang yang mengatakan bahawa untuk membeli senjata, kita tidak harus terima bantuan tetapi mereka mempunyai (peruntukan sedemikian)," katanya.

Oleh itu, katanya, bukan menjadi masalah Malaysia sekiranya jawatankuasa itu mendapati kerajaan Britain bersalah (melalui siasatan itu) dan seterusnya mengecam atau menjatuhkan kerajaan itu.

Katanya, Malaysia tidak pernah memberi sebarang reaksi terhadap tuduhan kononnya ada kaitan antara pembinaan Empangan Pergau dan pembelian senjata dari Britain tetapi hanya bertindak kerana dituduh rasuah.

Mengenai pertemuannya dengan Pengerusi GEC, Lord Prior, dua hari lepas, Dr Mahathir berkata, ahli perniagaan Britain itu cuba mendapatkan maklumat berhubung punca tindakan Malaysia terhadap syarikat-syarikat negara itu. --
lagi.

♥11/03/14-49MST

CNS6223

R GB 11-03 00175 BA828

aab

Mahathir - Britain 6 (Akhir) Kuala Lumpur

Perdana Menteri berkata, Prior, sebagai ahli perniagaan, merasa terjejas dengan apa yang telah berlaku dan ingin tahu apa yang boleh dibuatnya (Prior) untuk membantu mengatasi masalah itu.

"Saya terangkan kedudukan sebenar dan menyatakan betapa kecewanya kita dengan sikap akhbar Britain serta pendirian sesetengah pemimpin negara itu yang mempertahankan pembbohongan akhbar-akhbar itu," katanya.

Beliau menganggap lawatan Prior sebagai kunjungan seorang kenalan terhadap seorang kenalan lain.

Sementara itu, ketika ditemui pemberita selepas melawat Institut Paediatrik Hospital Kuala Lumpur, Dr Mahathir berkata, beliau belum membaca berita kecil dalam akhbar The Times (London), edisi semalam, mengenai satu laporan yang akan disiarkan akhbar itu esok.

Semalam, seorang pembaca akhbar itu menghantar melalui faksimili dari London, keratan berita kecil yang menyatakan bahawa akhbar berkenaan akan menyiarkan satu laporan bertajuk "Politics, Power and Malaysia's Playboy Princes" esok.

Berita kecil yang ditulis wactawannya bernama Juliana Pitman itu turut disertai gambar Yang di-Pertuan Agong Sultan Azlan Shah. -- Bernama

AH RA NMO

♥11/03/14-51MST